

NO. SOALAN : 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH JAWAPAN : 25 OKTOBER 2017

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan tarikh penghabisan Projek Pembetulan di semua jalan negeri dan jalan persekutuan di kawasan Seri Kembangan, Balakong dan Bangi dan jelaskan mengapa projek ini menghadapi kelewatan.

119

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Projek pembetungan yang sedang dijalankan oleh Kementerian di kawasan-kawasan yang terlibat adalah pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau (LRKS) Langat serta pembinaan rangkaian paip pembetungan termasuklah rasionalisasi loji - loji kecil untuk disambungkan ke LRKS tersebut.
2. LRKS Langat ini mempunyai kapasiti untuk menerima dan merawat 207,000 m³ air kumbahan setiap hari bersamaan dengan 920,000 *population equivalent* (PE). Ia dapat menampung air kumbahan dari kawasan tadahan pembetungan Langat seluas 77 km² dari kawasan Batu 11 Cheras ke Kajang.
3. Pembinaan projek ini telah bermula pada 19 Oktober 2015 dan dijangka siap sepenuhnya pada 12 April 2021 setelah mengambil kira kelewatan yang disebabkan oleh isu-isu permohonan dan kelulusan permit daripada pihak-pihak berkaitan di peringkat awal pelaksanaan projek. Kemajuan pada ketika ini adalah mengikut jadual iaitu 48.89%.

Sekian, terima kasih